

06 DEC 1998

MTUC-Soros

MTUC MARAH KEBIADAPAN SOROS

PETALING JAYA, 6 Dis (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan 172 buah kesatuan gabungannya hari ini membidas pedagang matawang George Soros kerana mencampuri hal ehwal domestik Malaysia.

Presiden MTUC Senator Zainal Rampak berkata Soros yang mendesak penyingkiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad daripada jawatannya tidak mempunyai hak untuk mencampuri urusan dalaman Malaysia apalagi mahu menentukan siapa yang patut menjadi pemimpin negara ini.

"Siapa Soros, dia bukan rakyat Malaysia dan dia tidak ada hak untuk bercakap pasal Malaysia," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Zainal mendakwa Soros bukan sahaja dibenci oleh rakyat negara ini, malah rakyat negara lain termasuk negara anggota pentadbir Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

"Sahabat saya dari Rusia memberitahu saya, seorang pemandu teksi di ibu negara itu, terlalu marah kepada Soros dan bersumpah akan melanggar Soros jika dia (pemandu itu) melihat Soros berjalan di Moscow," kata Zainal.

Dalam perkembangan lain Zainal berkata (MTUC) mahu kerajaan bertindak ke atas sebuah syarikat elektronik di Taiping, Perak, kerana didakwa mengamalkan sikap memecah-belah pekerja.

Syarikat yang tersenarai di bursa saham itu didapati sejak kebelakangan ini mengambil beberapa tindakan anti kesatuan seperti memaksa pekerja mengambil cuti tanpa gaji semasa syarikat memberhentikan operasi untuk beberapa hari, kata Zainal.

Menurutnya kes itu telah dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan di Ipoh tetapi kegiatan itu masih terus diamalkan oleh pengusaha kilang yang dahulunya dimiliki oleh Sanyo.

Setiausaha Kesatuan Pekerja Industri Elektrik, G.Vejaragavan yang turut hadir berkata perjanjian bersama antara syarikat dan 350 pekerja tamat dua tahun lepas dan hingga sekarang kedua-dua pihak belum menandatangani perjanjian bersama yang baru.

Majikan syarikat itu juga tidak membayar bonus sebanyak dua bulan seperti perjanjian bersama tetapi anggota kesatuan ditawarkan "ang pau" dan bercuti bagi sekeluarga di Pulau Pinang jika mereka berhenti daripada kesatuan," dakwanya.

"Taktik ini terang-terang anti kesatuan, dan kita akan bawakan kepada Kementerian Sumber Manusia," kata Zainal.

-- BERNAMA

SJA LAT RON